

Terma dan Syarat Peraduan 'Bapaku Heroku' Takaful Malaysia

Pengenalan

1. Terma & Syarat yang dinyatakan di sini ("**Terma & Syarat**") akan diguna pakai untuk Peraduan '**Bapaku Heroku**' Takaful Malaysia ("**Peraduan**") yang dianjurkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [No. Syarikat 198401019089 (131646-K)] dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Syarikat 201701032316 (1246486-D)] (**dirujuk secara kolektif sebagai "Takaful Malaysia"**).

Tempoh Peraduan

2. Peraduan ini akan bermula pada tarikh 14 Jun 2023 jam 11.00 pagi Waktu Malaysia ("**MYT**") hingga 19 Jun 2023 jam 11:59 malam MYT ("**Tempoh Peraduan**"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai pemenang Peraduan ini (seperti yang ditakrifkan di bawah).

Kelayakan

3. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada 14 Jun 2023.
4. Ahli jawatankuasa penganjuran Peraduan dan panel juri termasuk ahli keluarga terdekat tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

Pelaksanaan Peraduan

5. Peraduan akan diadakan melalui laman rasmi Facebook dan Instagram Takaful Malaysia.
6. Peraduan ini terdiri daripada dua (2) pusingan yang akan berlangsung mengikut tarikh berikut:

Pusingan Pertama: 14 Jun 2023 pada pukul 11.00 pagi MYT hingga 16 Jun 2023 pada pukul 11:59 malam MYT.

Pusingan Kedua: 17 Jun 2023 pada pukul 11.00 pagi MYT hingga 19 Jun 2023 pada pukul 11:59 malam MYT.

7. Dalam setiap pusingan, **Peserta ("Peserta")** yang layak harus mematuhi Langkah Peraduan berikut agar penyertaan dianggap memenuhi syarat layak:

Langkah 1: *LIKE* hantaran (*post*) Peraduan;

Langkah 2: Komen jawapan beserta hashtag *#HerokuTM* di ruangan komen dan tag @takafulmalaysia.official (Instagram) atau Takaful Malaysia (Facebook);

Langkah 3: Tag satu (1) orang rakan.

8. Untuk setiap pusingan, enam (6) Peserta yang memberikan jawapan betul akan dipilih sebagai **Pemenang (“Pemenang”)** tiga (3) daripada Facebook rasmi Takaful Malaysia dan tiga (3) daripada Instagram rasmi Takaful Malaysia. Jika lebih daripada enam (6) peserta yang menjawab dengan betul penggunaan alat rawak akan digunakan untuk memilih Pemenang.
9. Dua belas (12) orang Pemenang akan dipilih pada akhir Tempoh Peraduan.
10. Pemenang untuk setiap pusingan akan diumumkan di halaman Facebook rasmi dan Instagram rasmi Takaful Malaysia pada:
Pusingan pertama dan pusingan kedua: 23 Jun 2023.
11. Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan tetapi hanya satu (1) penyertaan sahaja yang akan dipilih sebagai Pemenang untuk pusingan yang sama.
12. Peserta yang telah dipilih sebagai Pemenang dalam mana-mana pusingan sebelumnya boleh dipilih sebagai Pemenang untuk pusingan yang berbeza.

Hadiah

13. Setiap Pemenang akan menerima hadiah (**“Hadiah”**) berikut:

Ringgit Malaysia Lima puluh sahaja (RM50.00) e-Baucar Lazada (**“e-Baucar”**)

14. Tempoh sah e-Baucar ini adalah sehingga 04 November 2023, seperti yang tertera pada e-Baucar serta tertakluk kepada terma dan syarat yang terpakai pada e-Baucar tersebut.
15. Setiap pemenang hendaklah bertanggungjawab terhadap penebusan/penggunaan **Hadiah**. Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau dikehendaki menawarkan penggantian dan/atau pampasan Hadiah untuk mana-mana:
 - a) e-Baucar yang tidak digunakan atau tamat tempoh;
 - b) kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemenang akibat daripada pelanggaran terhadap terma dan syarat e-Baucar;
 - c) perubahan yang dibuat terhadap Hadiah; dan
 - d) tidak menebus/menggunakan hadiah disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka.
16. Pemenang dikehendaki untuk menghantar butiran (nama penuh dan nombor telefon) melalui “Private Message” di Facebook rasmi Takaful Malaysia atau “Direct Message”

di Instagram rasmi Takaful Malaysia dalam masa tiga (3) hari selepas pengumuman Pemenang.

17. Jika ada Pemenang yang gagal menghantar butiran kepada Takaful Malaysia dalam masa tiga (3) hari selepas pengumuman Pemenang, Takaful Malaysia berhak untuk membatalkan kemenangan tersebut dan memilih Pemenang daripada Peserta lain yang memberikan jawapan yang betul.
18. **Hadiah** hanya akan dihantarkan kepada Pemenang setelah tamat Tempoh Peraduan melalui "Private Message" di Facebook rasmi Takaful Malaysia atau "Direct Message" di Instagram rasmi Takaful Malaysia dalam masa tiga (3) hari selepas pengumuman pemenang.
19. Pemenang adalah bertanggungjawab untuk semua cukai yang dikenakan terhadap Hadiah yang akan diterima (jika berkenaan).
20. Hadiah hanya akan dihantar kepada Pemenang SEKALI sahaja. Jika Pemenang gagal menerima Hadiah tersebut, tiada sebarang gantian atau pampasan yang akan diberikan.

Terma dan Syarat Am

21. Dengan menyertai Pertandingan ini, Peserta:
 - a) bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat;
 - b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Takaful Malaysia sepanjang Tempoh Peraduan ini berdasarkan tarikh dan masa tempatan adalah tepat dan muktamad;
 - c) bersetuju bahawa setiap dan semua keputusan yang dibuat oleh Takaful Malaysia berhubung dengan Peraduan ini adalah muktamad. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat tidak akan dilayan;
 - d) bersetuju membenarkan data peribadi didedahkan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak ketiga iaitu penyedia perkhidmatan/pembekal yang diberi kuasa termasuk vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Peraduan dan bagi tujuan yang berkaitan dengan Peraduan termasuk penghantaran Hadiah;
 - e) bersetuju membenarkan Takaful Malaysia menyiarkan nama, gambar yang diambil atau maklumat yang diberikan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa hadapan dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Peraduan ini tanpa sebarang pampasan;
 - f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada Takaful Malaysia, termasuk pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa sebarang limitasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Peraduan ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Peraduan ini, sama ada liabiliti tersebut

berlaku berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada perubahan, pembatalan atau penangguhan Peraduan ini.

Notis Privasi Takaful Malaysia

22. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia selaras dengan Notis Privasi Syarikat yang dapat dilihat di www.takaful-malaysia.com.my ("**Notis Privasi**").

23. Di samping itu, tanpa prejudis terhadap terma di dalam Notis Privasi Takaful Malaysia tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta/Pemenang melalui e-mel ke csu@takaful-malaysia.com.my untuk merahsiakan (jika berkenaan) butirannya daripada digunakan untuk tujuan aktiviti pemasaran, Peserta/Pemenang bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia untuk:

- a) tujuan Peraduan ini; dan
- b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Takaful Malaysia dalam mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta respons dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, setiap Peserta/Pemenang bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah Takaful Malaysia berhubung dengan Peraduan.

24. Takaful Malaysia berhak untuk:

- a) membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang tidak layak mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Peraduan;
- b) menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Peraduan lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau mengubah, menambah, memadam, mengubah suai atau meminda terma dan syarat di sini, sepenuhnya atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkan di www.takaful-malaysia.com.my atau dalam kaedah lain yang Takaful Malaysia anggap praktikal dengan memberi notis awal yang munasabah kepada Peserta mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan Terma & Syarat atau penamatan Peraduan.

25. Takaful Malaysia dan mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Peraduan) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau disebabkan oleh Peserta/Pemenang (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan dan/atau penggunaan Hadiah; dan sebarang keingkaran kewajipannya di bawah Peraduan disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Takaful Malaysia.
26. Terma & Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Peserta/Pemenang bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
27. Ketidaksahan, kepenyalahan undang-undang atau ketidakmampuan penguatkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain Terma & Syarat Peraduan ini.